

Gerakan tumpu kawasan majoriti pengundi Cina

UM 1 1 MAR 2002

BENTONG 10 Mac — Parti Gerakan akan membuka lima bilik gerakan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari dengan tumpuan kepada kawasan yang majoritinya pengundi Cina.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik berkata, bilik gerakan itu akan dibuka di Genting Highlands, Bukit Tinggi, Ketari, Sungai Dua dan Perting.

Beliau berkata, bagi beberapa daerah mengundi lain yang terdiri daripada majoriti pengundi Melayu seperti Janda Baik, Mempaga dan Benus, pihaknya akan bekerjasama dengan UMNO yang akan membuka bilik gerakan di daerah mengundi tersebut.

"Kita akan menghantar wakil kita di daerah mengundi yang bilik gerakannya dibuka oleh UMNO dan akan bekerjasama dengan mereka serta parti-parti komponen Barisan Nasional lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan Parti Gerakan Negeri Pahang di sini, hari ini.

Mengenai pemilihan calon, beliau berkata, pada masa ini terdapat empat nama berpotensi yang dikemukakan untuk diputuskan selewat-lewatnya Rabu ini.

Beliau menjelaskan, jumlah bakal calon yang ramai itu tidak bermakna parti

menghadapi masalah untuk menentukan calon yang benar-benar layak sebaliknya pihaknya mempunyai prosedur tertentu sebelum mengadakan calon bertanding pilihan raya.

Beliau menafikan gambar-gembar bahawa partinya sukar memilih calon dan terpaksa mengadakan banyak perbincangan mengenainya.

Menurut beliau, mesyuarat Perhubungan negeri hari ini menyenaraikan empat nama dan senarai tersebut akan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti untuk disenarai pendek.

Kemudian katanya, CWC akan memberi mandat kepada beliau untuk mengemukakan senarai pendek bakal calon itu kepada Pengerusi BN Negeri Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob untuk dibincangkan.

Selepas itu katanya, senarai bakal calon itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN pada hari Selasa untuk diputuskan.

"Saya harap Datuk Seri Adnan (Yaakob) akan mengumumkannya pada Rabu," katanya.

Bagaimanapun menurut Dr. Lim, beli-

au telah menerima jaminan daripada setiap bakal calon yang berada dalam senarai untuk memberi kerjasama walaupun bukan mereka yang terpilih.

Ditanya mengenai kriteria untuk memilih calon, Dr. Lim berkata, antara perkara yang diambil kira ialah mereka mestilah orang tempatan, memberi komitmen yang tinggi dalam kerja-kerja parti serta mudah mesra dengan masyarakat.

Bagaimanapun, menurut sumber dalaman parti, dua nama yang disebut-sebut dalam senarai 'teratas' ialah peguam Yum Ah Ha, 51, dan Dr. Ng Keong Chye.

Yum yang merupakan anak kelahiran Kampung Ketari dan bekas pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Ketari, adalah Ketua Cawangan Gerakan Ketari.

Beliau menyertai parti Gerakan sejak lima tahun lepas dan berkhidmat sebagai peguam selama enam tahun.

"Saya masuk parti (Gerakan) untuk berkhidmat," katanya apabila ditanya perasaannya jika tidak terpilih sebagai calon.

Dr. Ng, 46, pula merupakan Naib Ketua Cawangan Perting dan sering membantu menjalankan tugas-tugas mendiang Loke sejak bekas wakil rakyat itu menderita penyakit barah rahang.